

## **SIARAN MEDIA**

### **LAWATAN KERJA RASMI TIMBALAN MENTERI (INDUSTRI) MITI KE PREMIS KILANG SIPRO PLASTIC INDUSTRIES SDN BHD (SPI), RAWANG, SELANGOR**

11 Ogos 2016 – Y.B. Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri (Industri), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengadakan lawatan kerja rasmi ke Sipro Plastic Industries Sdn. Bhd. (SPI) hari ini bermula dari jam 2.00 – 4.00 petang. Lawatan ini turut disertai oleh wakil-wakil daripada MITI dan Agensi.

Tujuan lawatan ini adalah untuk meninjau kejayaan syarikat dalam industri pembuatan dan peralatan berasaskan plastik untuk industri automotif, telekomunikasi, elektrik dan elektronik. Syarikat ini telah diberikan kemudahan pinjaman oleh Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), salah sebuah agensi di bawah MITI melalui Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi dan Modenisasi (SLSAM) yang merupakan usaha Kerajaan bagi membantu syarikat tempatan meningkatkan tahap kecekapan pengeluaran dan tahap daya saing. Kemudahan pinjaman yang diberikan ini adalah bertujuan untuk menyokong pembelian mesin dan peralatan bagi meningkatkan kapasiti dan pengeluaran.

SPI menghasilkan pelbagai bahagian/komponen plastik untuk industri automotif seperti kit badan, konsol lantai, spoiler, tumbol gear, cermin belakang dan sisi, penutup enjin, hiasan pintu, aksesori hiasan depan kereta dan belakang. Syarikat ini juga mengeluarkan bahagian plastik/komponen untuk pengisar, panel plastik, penutup dan sarung untuk industri elektrik dan elektronik.

Selain menjadi pembekal komponen kepada Proton dan Perodua, SPI juga menjadi pembekal kepada UMW Toyota, Daihatsu, Modenas, Hicom, Honda, Panasonic dan Sony.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**